

Headline **Uji produk di CoE Mimos**
Date **25 Aug 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **Afiq Hanif**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V2**
Article Size **622 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **17,886**
PRValue **53,657**



>>Oleh Afiq Hanif
afiq@hmetro.com.my

PUSAT Kecemerlangan (CoE) Mimos kini berupaya menjimatkan kos syarikat yang tidak perlu menghantar produk teknologi mereka ke luar negara untuk diuji sebelum dikomersialkan sepenuhnya.

Ini kerana CoE yang dibina pada 2006 itu menawarkan strategi ujian menyeluruh di samping pengurusan bersepadu dengan jaminan kualiti yang menepati piawaian kebanyakan produk perkakasan dan perisian di dunia.

Setiap produk yang dihasilkan oleh mana-mana syarikat perlu diuji untuk memastikan ia berfungsi dengan baik dan diterima oleh pasaran.

Pengaruhnya, Redzuan Abdullah, berkata CoE dilengkapi tiga makmal canggih yang menempatkan makmal ujian sistem, makmal ujian boleh guna dan makmal kebolehpercayaan perkakasan.

"Sehingga kini, lebih 100 projek dikendalikan CoE untuk ujian tertentu yang menilai prestasi, fungsi, keselamatan, kebolehpercayaan perkakasan, tanpa wayar dan rangkaian," kata Redzuan.

Beliau memberi contoh, terdapat agensi kerajaan yang menguji laman web dibangunkan untuk menilai sebuah mana kecenderungan pengguna melihat bahagian tertentu pada laman web terbabit.

"Ia dilakukan dengan menempatkan kamera khas yang mengesan gergeran mata penguji dilantik sebelum disambung ke perisian tertentu untuk menilai tindak balas terbabit," katanya.

Menurutnya, hasil yang diperoleh dianggap signifikan kerana memaklumkan bahagian yang perlu dititik-

Uji produk di CoE Mimos

Tawar strategi ujian menyeluruh dan pengurusan bersepadu dengan jaminan kualiti tepati piawaian



UJI...Redzuan menunjukkan salah satu makmal dikendalikan CoE.

beratkan atau ruang tertentu bagi penempatan iklan.

Ketika ini, CoE bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan dan asing, pertubuhan dan syarikat multinasional dalam mengendalikan penyelidikan ujian, automasi dan ujian boleh

gunpla di Malaysia.

Makmal sistem yang digabungkan dengan makmal ujian boleh guna membolehkan Mimos menawarkan perkhidmatan perundingan lebih rapi dan saintifik manakala makmal kebolehpercayaan perkakasan

menguji keadaan fizikal seperti pembekalan serta analisis perkakasan mekanikal yang mematuhi standard MIL, ISO, IEC dan JEDEC.

"Ia perlu untuk mendapatkan produk terbaik yang dikaji melalui penyemakan kembali fasa reka bentuk sebelum ia

dibangunkan," kata Redzuan. Kemudahan ujian bertaraf dunia CoE membolehkan Mimos mengukuhkan kedudukan terbaik yang memastikan produk perkakasan dan perisian terutama membabitkan produk tempatan mempunyai kualiti dan berdaya saing.

Headline	Uji produk di CoE Mimos	Language	Malay
Date	25 Aug 2010	Page No	V2
MediaTitle	Harian Metro	Article Size	622 cm²
Section	Variasi	Color	Full Color
Journalist	Afiq Hanif	ADValue	17,886
Frequency	Daily	PRValue	53,657
Circ / Read	324,097 / 1,981,000		

BERIKUT adalah 10 senarai carian tertinggi oleh pelajar Internet sepanjang Julai 2010 menggunakan enjin pencari Google di alamat www.google.com.my.

1) Larissa Riquelme

Model pakaian dalam yang baru-baru ini menjadi personaliti popular ketika berlangsungnya bola sepak Piala Dunia Fifa 2010 apabila beliau berjanji untuk lari berbozel jika negaranya Paraguay menjuarai Piala Dunia kali ini.

2) Taek Jho Low

Ahli perniagaan berusia 28 tahun yang menjadi tajuk perbualan hangat selepas dikatakan membela-jakan beribu ringgit di kelab malam di New York dan berparti dengan selebriti Hollywood seperti Paris Hilton dan Megan Fox.

3) Paul the Octopus

Sotong kurita yang diletakkan di akuarium Sea Life Oberhausen Jerman kini semakin popular selepas menjangka dengan tepat beberapa perlawanan Piala Dunia 2010 membabitkan pasukan Jerman dan perlawanan akhir antara Sepanyol dengan Belanda.

4) Khidmat Negara

Nama 140,000 remaja yang dipilih menyertai Khidmat Negara 2011 disiarkan untuk disemak di alamat www.khidmatnegara.gov.my mulai 15 Julai.

5) SSQS

Sistem aplikasi Standard Kelayakan Sekolah Pintar (SSQS) boleh didapati sejak 19 Julai hingga 30 Ogos.

6) Starcraft II

Sambungan game video menjadi hit apabila 11 juta salinan dijual sejak memasuki pasaran 27 Julai lalu.

7) David Villa

Pemain Sepanyol berusia 28 tahun ini menjadi semakin popular sejak Piala Dunia 2010.

8) Lembaga Getah Malaysia

Lembaga Getah Malaysia merancang untuk menilai semula Skim Spesifikasi Standard Getah Malaysia untuk memastikan gred getah sejak 40 tahun itu masih relevan hingga hari ini.

9) Twilight Eclipse

Filem Twilight terbaru menjadikan kegilaan remaja sejak mula ditayangkan pada 8 Julai lalu.

10) Park Yong-ha

Artis popular Korea yang terkenal menerusi drama Winter Sonata ditemui mati di rumahnya pada 30 Jun lalu diperdayai akibat bunuh diri.